

0933

U B640 AAB

MAHATHIR

(I)

KUALA LUMPUR, 2 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA PENSTABILAN DOLLAR MINYAK PETROLEUM KERANA KEADAAN HARGA YANG TURUN NAIK BAHAN ITU TIDAK MEMBERI FAEDAH KEPADA PARA PENGELUAR MINYAK DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA MASALAH HARGA PETROLEUM SEKARANG, JIKA TIDAK DIAWASI, MUNGKIN MENGAKIBATKAN PASARAN MINYAK MENURUT JEJAK LANGKAH PASARAN TIMAH YANG JATUH BARU-BARU INI.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA BELIAU MEMBUAT KENYATAAN ITU BUKAN UNTUK +MENGAJAR+ DALAM BIDANG EKONOMI KHUSUSNYA DALAM PASARAN PETROLEUM, TETAPI BELIAU BERKATA BAHAWA ADALAH LEBIH BAIK HARGA TETAP PADA SATU-SATU KADAR YANG TIDAK AKAN MERUGIKAN PENGELUAR ATAU PUN PENGGUNA MISKIN.

PERDANA MENTERI MERASMIKAN PERSIDANGAN MAJLIS PETROLEUM ASEAN (ASCOPE) DI PUSAT DAGANGAN PUTRA DI SINI HARI INI. PERSIDANGAN EMPAT HARI ITU DIHADIRI OLEH BOO WAKIL DAN PEMERHATI NEGARA-NEGARA ASEAN SERTA 30 NEGARA YANG LAIN. -- LAGI.

1446MST 02 12 85

0934

U B641 AAB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYEBUTKAN BAHAWA KETIKA HARGA SATU TONG PETROLEUM AS\$400 SUATU MASA DAHULU, KENAIKAN ITU MEMBERI FAEDAH KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU, DAN NEGARA-NEGARA ITU JUGA YANG MERAHAI KEUNTUNGAN APABILA HARGA PETROLEUM TURUN. HARGA SATU TONG PETROLEUM SEKARANG AS\$26.

KENAIKAN HARGA PETROLEUM JUGA DIKATAKAN MENYEBABKAN KEMELESETAN DAN KERUNCINGAN DI NEGARA-NEGARA MISKIN.

TETAPI, APABILA HARGA TURUN, IA TIDAK PULA DAPAT, SEPERTI YANG DIJANGKAKAN, MEMBANTU MENSTABILKAN EKONOMI DUNIA, APATAH LAGI MEMULIHKAN KEADAAN KEMELESETAN. -- LAGI.

1447MST 02 12 85

U B644 AAB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR
(I)

+YANG BERLAKU IALAH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG MENGELUARKAN PETROLEUM TELAH SEMAKIN KEKURANGAN MUDAH TUNAI, SEMENTARA KEADAAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG BUKAN PENGELUAR LEBIH BURUK DARIPADA KEADAAN MASA HARGA MINYAK NAIK,+ TAMBAHNYA.

KENAIKAN HARGA MINYAK SEOLAH-OLAHNYA TIDAK MENYUSUTKAN EKONOMI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BUKAN PENGELUAR, TETAPI KEMEROSOTAN HARGA JUGA TIDAK MEMBAWA KEMAJUAN EKONOMI KEPADA MEREKA, KATANYA.

+BAGI NEGARA-NEGARA PENGELUAR, KENAIKAN HARGA MINYAK BERMAKNA KEMAKMORAN SEDANGKAN KEMEROSOTAN HARGA SUDAH PASTI MENIMBULKAN KESULITAN EKONOMI WALAUPUN SESEORANG ITU TERAGAK-AGAK UNTUK MENYATAKAN BAHAWA DIA LEBIH SENANG DENGAN KENAIKAN HARGA PETROLEUM.

+YANG LEBIH TEPAT IALAH SETIAP ORANG BERASA SENANG JIKA HARGA PETROLEUM TETAP PADA SUATU KADAR YANG TIDAK AKAN MENYULITKAN PENGELUAR ATAU PUN NEGARA-NEGARA MISKIN, + TAMBAHNYA.

MENGENAI PENGGUNAAN DOLLAR AMERIKA UNTUK HARGA PETROLEUM, PERDANA MENTERI BERKATA, INI SATU LAGI FAKTOR YANG MERUMITKAN KESAN MINYAK KEPADA EKONOMI NEGARA-NEGARA. -- LAGI.

1504MST 02 12 85

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR
(I)

SAMBIL MENYATAKAN PENGUKUHAN DOLLAR AMERIKA BERBANDING DENGAN MATA WANG TEMPATAN ATAU PUN FAKTOR PENURUNAN NILAI AKAN MENJEJASKAN BELANJAWAN NEGARA WALAU BAGAIMANA BAIK SEKALIPUN DIRANCANG, PERDANA MENTERI BERKATA USAHA MENGATASI KADAR TUKARAN DOLLAR YANG SERING TURUN NAIK MEMANG SUKAR DIPEROLEHI.

CONTOHNYA, TAMBAH BELIAU, PENGUKUHAN DOLLAR AKAN MENINGKATKAN DOLLAR BAHAN BAKAR ATAU JIKA IA DITURUNKAN NILAINYA, NEGARA-NEGARA PENGELUAR AKAN MENDAPAT PULANGAN PENDAPATAN YANG KURANG DAN JIKA MEREKA MEMINJAM MATA WANG YEN ATAU MATA WANG YANG LAIN, MEREKA AKAN MENGHADAPI KESULITAN.

BELIAU MENYEBUT APA-APA PERGERAKAN DALAM NILAI DOLLAR AKAN MEMBERI KESAN YANG LEBIH NEGETIF DARIPADA POSITIF PADA EKONOMI NEGARA MEMBANGUN.

+SEBALIKNYA, KADAR TUKARAN YANG STABIL DAN TETAP BOLEH DIUSAHAKAN MELALUI IMPORT ATAU PUN PINJAMAN YANG TERMAMPU OLEH SESEBUAH NEGARA,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI INDUSTRI PETROLEUM, PERDANA MENTERI YAKIN TIDAK ADA SUMBER TENAGA GANTIAN YANG DAPAT MENCABARNYA JIKA HARGA MINYAK TETAP PADA KADARNYA DAN HARGANYA PULA BERPATUTAN. -- LAGI.

1514MST 02 12 85

D957

U B655 AAB

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGINGATI MEREKA YANG BERKECIMPUNG DALAM INDUSTRI ITU BAHAWA KERAJAAN DAN RAKYAT TIDAKLAH BEGITU BIMBANG AKAN PROSPEKS INDUSTRI ITU TETAPI MEREKA MENGAMBIL BERAT MENGENAI KOS DAN BELANJA HIDUP NEGARA.

DALAM HAL MALAYSIA, TAMBAHNYA, WALAUPUN NEGARA INI MENGEKSPORT PETROLEUM, TETAPI EKSPORT BAHAN INI HANYA DIANGGAP SEBAHAGIAN DARIPADA KESELURUHAN EKONOMI NEGARA.

WALAUPUN, KATANYA +KAMI MEMANG MAHU WANG YANG DIPEROLEHI DARIPADA EKSPORT PETROLEUM+, TETAPI MENURUTNYA, JIKA KENAIKAN HARGA AKAN MENYEBABKAN HARGA IMPORT LEBIH MAHAL, MAKA NEGARA LEBIH SUKA KEPADA PENDAPATAN YANG STABIL.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, MALAYSIA SEKARANG MEMPELBAGAIKAN SUMBER-SUMBER TENAGANYA TERMASUK MEMBUAT PENYELIDIKAN UNTUK MENGELUARKAN DIESEL DARIPADA MINYAK SAWIT.

MENGENAI ASCOPE, PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA MEMPUNYAI KEPENTINGAN YANG BEREBZA-BEZA DALAM INDUSTRI PETROLEUM, TETAPI PEMBENTUKANNYA IALAH UNTUK MEMUPUK KEPENTINGAN BERSAMA, ATAU SEKURANG-KURANGNYA UNTUK BEKERJASAMA. -- LAGI.

D962

U B658 AAB

MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR
(I)

INDONESIA, BRUNEI DAN MALAYSIA NEGARA PENGEKSPORT SEMENTARA PENGGUNA IALAH THAILAND, FILIPINA DAN SINGAPURA. SINGAPURA JUGA MERUPAKAN PUSAT PENAPISAN PETROLEUM YANG KETIGA BESARNYA DI DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERSIDANGAN INI AKAN DAPAT MENDIDIK NEGARA-NEGARA ANGGOTA MENGENAI CARA MENGENDALIKAN MASALAH PETROLEUM DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN SUPAYA MEREKA DAPAT MENGURUSKAN EKONOMI NEGARA MASING-MASING.

PENGERUSI PETRONAS, RAJA TAN SRI MOHAR RAJA BADIOZAMAN BERKATA ASCOPE MENJADI BADAN YANG BERKESAN DALAM PENINGKATAN KERJASAMA SERANTAU TERUTAMA DALAM BIDANG LATIHAN, PERTUKARAN PAKAR TEKNIKAL DALAM CARIGALI DAN PENGELUARAN MINYAK, OPERASI PENAPISAN, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER-SUMBAR GANTIAN TENAGA, PERTUKARAN DATA TEKNIKAL, PERATURAN PEMROSESAN PETROLEUM DAN BEKALAN MINYAK KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SEMASA KEKURANGAN PETROLEUM.

BELIAU GEMBIRA KERANA PERSIDANGAN ASCOPE MENJADI ACARA YANG PENTING DALAM INDUSTRI TENAGA DAN PETROLEUM ANTARABANGSA. -- BERNAMA
1539MST 02 12 85